

17/05/2000

Semai nilai mulia: PM (HL)

ullah

IPOH, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan guru supaya jangan menyemai nilai dan budaya buruk di kalangan murid sehingga memecah-belahkan perpaduan serta melemahkan budaya bangsa dan negara.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, guru yang menyedari pengaruh mereka ke atas murid, harus menggunakan peluang itu untuk menyemaikan nilai-nilai yang boleh melahirkan bangsa maju dan berjaya.

Mereka perlu berpendirian terbuka serta sanggup menerima kebenaran dengan tidak menjadikan kebencian untuk menggagal dan menghancurkan masa depan generasi muda.

"Seperti juga dengan pihak lain, guru tentulah mempunyai pendapat dan pendirian tertentu terhadap keadaan dalam negara. Mungkin pendirian ini berasas kepada sesuatu yang menimbulkan perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan atau mana-mana pihak.

"Mungkin perasaan ini disebabkan salah faham atau mungkin kerana asasnya memang benar. Kita semua perlu memiliki pendirian terbuka serta sanggup menerima kebenaran.

"Kesanggupan ini penting tetapi tanggungjawab guru kepada bangsa dan negara tidak boleh diketepikan," katanya berucap merasmikan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di sini, hari ini.

Sempena perayaan bertemakan 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan' itu, Dr Mahathir menyampaikan Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan kepada lima pendidik, iaitu Nik Faizah Mustapha, Tawi Yaakub, Cheong Yong Kwong, Abd Ghani Wahab dan Dr Seenivasagam Muthukumar Ponniah.

Dr Mahathir berkata, warga pendidik perlu memperingati semula dua tanggungjawab besar mereka iaitu menyampaikan ilmu serta menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara.

Katanya, berikutan perubahan yang tidak mengehadkan perkembangan ilmu, guru perlu diberikan latihan semula bagi menguasai kemahiran komputer dan Internet, termasuk di sekolah bestari.

"Saya harap semua guru bersiap sedia untuk mengajar dalam sekolah bestari kerana kerajaan berhasrat menjadikan semua sekolah di negara ini sekolah bestari," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mewujudkan beberapa sekolah bestari yang memerlukan penggunaan komputer dan Internet dengan meluas, tetapi kekurangan guru bestari tidak dapat memanfaatkan perbelanjaan besar bagi tujuan itu.

Perdana Menteri turut menekankan pentingnya usaha menyemai dan mempertahankan budaya tempatan daripada ancaman dan pengaruh budaya asing, termasuk budaya hedonisme dan bahan lucah, sama ada melalui Internet dan televisyen kerana bahayanya sama seperti kesan penagihan dadah.

"Hanya ketabahan hati dan disiplin yang kuat boleh menolong kita menolak budaya hedonisme. Oleh itu, dari kecil lagi kita perlu menyemai nilai-nilai disiplin yang tinggi di kalangan anak-anak kita," katanya.

Beliau berkata, murid dan belia tempatan perlu dididik untuk menapis sendiri kandungan Internet dan televisyen menerusi penolakan menyeluruh, terutama pengaruh unsur negatif dan kotor media itu.

"Kita tidak dapat menyekat penyebaran maklumat sama baik atau buruk melalui teknologi maklumat yang semakin canggih sekarang. Mungkin guru-guru dapat menyediakan generasi akan datang dengan daya ketahanan yang diperlukan.

"Kita juga mungkin boleh menumpu kepada penyampaian ilmu tanpa

memikirkan bagaimana ia akan digunakan. Sama-samalah kita fikirkan cabaran yang sedang melanda. Saya harap kita dapat menangani cabaran ini dan bangsa kita akan terus kekal sebagai bangsa berdaya tahan, Insya-Allah," katanya.